

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BT. ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**  
**TARIKH : 10 OGOS 2017**  
**SOALAN : 35**

**YB Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Pasir Gudang akan mula dibina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pembinaan Hospital Pasir Gudang adalah salah satu projek yang telah dikenalpasti dan diluluskan di dalam *Rolling Plan 1* (dengan izin), RMK 11. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina, dan pada masa ini sedang di peringkat perincian keperluan teknikal serta penyediaan dokumen untuk tujuan tender. Projek ini dijangka akan dapat dimulakan pembinaannya pada awal 2019. Pada masa ini, kerja-kerja memuktamadkan skop projek serta pengesahan kos projek sedang dilaksanakan. Selepas ini, projek akan melalui proses Pengurusan Nilai di peringkat Penilaian Nilai (Value Assesment ) dan Penilaian Kejuruteraan (Value Engineering) sebelum projek boleh ditender. Projek dijadualkan untuk tender pada bulan Disember 2017. Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Jun 2018. Kerja-kerja pembinaan di tapak

dijangka dapat dimulakan pada Disember 2018 dan diserahkan dan digunakan pada Februari 2022.